

1. Tujuan perniagaan adalah untuk....
 - A Meningkatkan taraf hidup masyarakat
 - B Menawarkan barang dan perkhidmatan
 - C Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
 - D Memastikan perniagaan dapat beroperasi lebih lama

2. Perniagaan manakah yang dikategorikan sebagai aktiviti berasaskan perkhidmatan?
 - A Syarikat Teh Cameron Sdn. Berhad
 - B Spa Kejelitaan Ayu
 - C Restoran Cik Bedah
 - D Kilang Kopi 434

3. Jualan pada harga kos bermaksud...
 - A Harga barang yang dijual adalah lebih murah daripada harga sebenar
 - B Harga barang yang dikenakan hanya cukup untuk menanggung kos jualan barang
 - C Kerajaan memberikan subsidi untuk membantu rakyat yang tidak berkemampuan
 - D Barang atau perkhidmatan disediakan oleh kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan

4. Pernyataan berikut berkaitan dengan kelemahan milikan tunggal

Puan Aminah sentiasa mengimpikan untuk menambahkan cawangan restorannya. Namun impiannya itu sering ditangguhkan.

- Apakah kelemahan tersebut?
- A Pemilik bebas membuat keputusan.
 - B Cukai perniagaan yang tinggi
 - C Perniagaan sukar diuruskan
 - D Modal yang kecil
-
5. Antara yang berikut, yang manakah ciri Perniagaan Halim & Rakan-rakan?
 - I Mempunyai bilangan ahli sebanyak 20 orang
 - II Modal tambahan dapat diperolehi dengan menerbitkan syer
 - III Sukar untuk ditubuhkan kerana perlu mematuhi banyak peraturan
 - IV Perniagaan yang dijalankan tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

 6. Apakah kelebihan koperasi?
 - A Setiap pemilik menanggung cukai peribadi sahaja
 - B Syer boleh dipindah milik antara pemilik bersama
 - C Setiap anggota mempunyai hak dalam membuat keputusan
 - D Pemegang saham sahaja layak membaca laporan kewangan

7. Pasangan manakah yang menerangkan tentang francais dan francaisor?

	Francaisi	Francaisor
A	Syarikat yang memiliki hak asal jenama produk	Syarikat yang membeli hak kebenaran
B	Menyediakan bimbingan dan pengetahuan tentang pemasaran	Menjalankan perniagaan mengikut peraturan dan piawai ditetapkan
C	Dapat mengembangkan perniagaan secara global	Perlu membayar royalti
D	Menyediakan modal seperti sumber manusia untuk menjalankan perniagaan	Membiayai kos pengiklanan untuk menjalankan promosi

8. Apakah bidang kuasa kerajaan Pusat dalam menangani isu ekonomi dan perniagaan?

- I Kewangan
- II Kemudahan infrastruktur
- III Kadar pertukaran mata wang
- IV Perkembangan aktiviti perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Pernyataan berikut berkaitan sejenis pengangguran.

Encik Amir bekerja sebagai seorang nelayan. Beliau terpaksa berhenti bekerja pada musim tengkujuh

Apakah jenis pengangguran tersebut?

- A Pengangguran kitaran
- B Pengangguran struktur
- C Pengangguran bermusim
- D Pengangguran musim sementara

10. Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi persekitaran perniagaan.

Permintaan terhadap buah naga meningkat sebanyak 20% di Malaysia. Ini adalah kerana kesedaran tentang kebaikan khasiat buah naga yang baik untuk kesihatan.

Apakah faktor tersebut

- A Politik
- B Ekologi
- C Ekonomi
- D Sosiobudaya

11. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri objektif dalam perniagaan.

Pacific Aero Products Co., sebuah syarikat pengeluar kapal terbang berjenama Boeing menggunakan carta gantt untuk merancang pelaksanaan aktiviti pembinaan kapal terbangnya.

Apakah ciri objektif tersebut?

- A Spesifik (*specific*)
- B Munasabah (*realistic*)
- C Boleh dicapai (*attainable*)
- D Jangka masa (*time frame*)

12. Syarikat Mega Sports Sendirian Berhad bercadang untuk menghasilkan raket badminton. Maklumat berikut telah diberikan oleh akauntan syarikat untuk menentukan bilangan unit raket yang perlu dikeluarkan.

Sewa Kilang	: RM 10 000 sebulan
Kos berubah seunit raket	: RM 50
Harga jualan seunit raket	: RM 100

Berapakah unit raket badminton yang perlu dikeluarkan untuk mencapai titik pulang modal (TPM)?

- A 1200
- B 2400
- C 4080
- D 8160

13. Strategi promosi jualan manakah yang membolehkan pengguna mengetahui kualiti sesuatu barang sebelum membuat keputusan pembelian?

- A Peraduan
- B Kupon Percuma
- C Jualan murah
- D Sampel

14. Maklumat yang berikut berkaitan dengan salah satu bahagian fungsian dalam organisasi

- Menyediakan dokumen syarikat
- Menguruskan, menyimpan, dan menerima rekod
- Mengendalikan mesyuarat syarikat

Apakah bahagian fungsian berkenaan?

- A Kewangan
- B Pentadbiran
- C Sumber Manusia
- D Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

15. Antara yang berikut, fungsi manakah yang berkaitan dengan pengagihan sumber kewangan dalam menguruskan kewangan organisasi?
- I Setiap bahagian menentukan objektif kewangan yang hendak dicapai
 - II Setiap bahagian akan dipantau untuk mengelakkan penyelewengan dana
 - III Pengagihan kewangan adalah mengikut jenis perbelanjaan yang ditetapkan
 - IV Setiap bahagiann akan mendapat peruntukan kewangan seperti yang diluluskan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

16. Maklumat berikut berkaitan dengan dengan suatu bahagian fungsian.

Encik Ahmad Dani telah dilantik sebagai pegawai di syarikat Nusantara Sdn. Bhd. Antara tugas yang diamanahkan padanya adalah mengemas kini fail peribadi setiap pekerja serta menyediakan penyata gaji pekerja di syarikat itu.

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Kewangan
 - B Pengurusan
 - C Pentadbiran
 - D Sumber Manusia
17. Pengantara teknologi maklumat dan komunikasi manakah yang memudahkan komunikasi dalaman?
- A Internet
 - B Intranet
 - C e-dagang
 - D e-banking
18. Apakah peranan pembekal kepada sesebuah organisasi perniagaan?
- A Menyediakan pasaran produk
 - B Memberi pinjaman modal
 - C Menghasilkan aset tetap
 - D Menjual bahan mentah
19. Mengapakah pelanggan sangat penting kepada sesebuah perniagaan?
- A Membekalkan perkhidmatan
 - B Menyokong aktiviti perniagaan
 - C Memberi pendapatan kepada pasaran
 - D Membeli produk yang dihasilkan dalam perniagaan

20. Maklumat berikut berkaitan dengan dua buah organisasi perniagaan.

Organisasi Perniagaan X	Organisasi Perniagaan Y
Kilang Biskut Nora	Kedai Runcit Haji Ramli

Bahagian fungsian manakah hanya terdapat di Organisasi Perniagaan X?

- A Pembelian
- B Pemasaran
- C Pentadbiran
- D Pengeluaran

21. Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelenggaraan sumber manusia.

Encik Amir merupakan seorang Pengurus Sumber Manusia sebuah syarikat telekomunikasi mengagihkannya ke dalam jabatan kewangan, pengeluaran dan pemasaran. Jabatan ini juga menyediakan tempat kerja yang kondusif.

Apakah aspek tersebut?

- A Penyelesaian masalah
- B Peningkatan pengalaman
- C Penghargaan dan hukuman
- D Penempatan pekerja dan penyediaan fasiliti

22. Syarikat National Semiconductor menghantar pekerjaannya berkursus ke Jepun adalah untuk meningkatkan...

- A Gaji perkerja
- B Kebajikan pekerja
- C Penglibatan pekerja
- D Produktiviti pekerja

23. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan disiplin ke atas pekerja.

En. Majid yang selalu datang lambat ke tempat kerja telah diberi amaran lisan tetapi masih melakukan kesilapan yang sama.

Apakah tindakan disiplin yang seterusnya perlu diambil?

- A Ganjaran
- B Amaran bertukar
- C Penamatan kerja
- D Surat tunjuk sebab

24. Maklumat berikut berkaitan sejenis penjabatan.

Syarikat MS Multimedia Sdn Bhd telah mengelompokkan aktiviti kerja yang saling berkaitan dan spesifik dalam satu jabatan.

Apakah jenis penjabatan di atas?

- A Matriks
- B Produk
- C Fungsian
- D Sempadan

25. Sumber fizikal juga dikenali sebagai...

- A bahan tidak nyata
- B aset ketara
- C modal
- D liabiliti

26. Hasil kreativiti atau ciptaan seseorang dikenali sebagai harta...

- A modal
- B intelek
- C perkongsian
- D persendirian

27. Apakah tujuan Syarikat Digital Durian mempatenkan produk animasi “Didi & Friends”?

- A Menjadikan idea reka cipta tulen
- B Menentukan idea reka cipta dihargai
- C Menunjukkan idea reka cipta boleh dikongsi
- D Memastikan idea reka cipta adalah hak milik mereka

28. Antara yang berikut, yang manakah merupakan modal sesebuah perniagaan?

- I Jentera
- II Inventori
- III Pengurus syarikat
- IV Wang tunai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29. Antara yang berikut, yang manakah merupakan sumber pembiayaan dalaman?

- I Bantuan modal dari agensi kerajaan
- II Simpanan peribadi
- III Modal daripada keuntungan
- IV Bank dan institusi kewangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Pembiayaan hutang oleh institusi kewangan terhadap invois dikenal sebagai

- A Pajakan
- B Sewa beli
- C Pemfaktoran
- D Pinjaman

31. Melalui skim pajakan, peniaga dapat mengatasi masalah...

- I aliran tunai
- II aset menjadi usang
- III pembayaran cukai pendapatan
- IV kejadian hutang lapuk

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

32. Maklumat yang berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan.

Puan Murni memulakan perniagaan kedai makan yang berhampiran dengan kawasan rumahnya dengan menggunakan wang simpanannya sebanyak RM50 000.

Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelemahan sumber pembiayaan tersebut?

- I Modal terhad
- II Memerlukan penjamin
- III Tertakluk pada syarat dan terma
- IV Sukar menambah modal dalam masa yang singkat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33. Susun prosedur mendapatkan sumber pembiayaan berikut mengikut susunan yang betul.

- I Membuat permohonan
- II Pembiayaan diluluskan
- III Menyediakan rancangan perniagaan
- IV Mendapatkan khidmat nasihat kewangan

- A I,II,III dan IV
- B II, I, IV dan III
- C III, IV, I dan II
- D I, III, II dan IV

34. Maklumat berikut berkaitan dengan permohonan sumber pembiayaan.

Cik Nora merupakan seorang tukang jahit yang mengambil upah menjahit pakaian di sekitar kawasan rumahnya. Pelanggan sangat berpuashati dengan mutu jahitan Cik Nora. Setelah beberapa tahun, Cik Nora mengambil keputusan untuk membuka sebuah butik pakaian dengan menggunakan duit simpanannya dan sumber pembiayaan daripada agensi kerajaan bukan daripada institusi kewangan.

Mengapakah Cik Nora berbuat demikian?

- I Kos pinjaman lebih murah
- II Jumlah pinjaman tidak terhad
- III Beliau tidak mempunyai cagaran bernilai
- IV Pinjaman tidak tertakluk kepada terma dan syarat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

35. Siapakah yang menggunakan maklumat dalam penyata kewangan sebagai rujukan semasa mengawal dan merancang aktiviti perniagaan Kilang Kek Sinaran?

- A Para pelabur
- B Pihak pengurusan
- C Bank Perdana Berhad
- D Pembekal Bahan Membuat Kek

36. Maklumat berikut berkaitan dengan analisis nisbah penentuan harga jualan.

Puan Nabila memaklumkan bahawa perniagaannya menambahkan sebanyak 20% pada kosnya untuk mendapatkan harga jualan.

Apakah analisis nisbah yang Puan Nabila gunakan?

- A Untung tokokan
- B Margin untung kasar
- C Pulangan atas modal
- D Kadar ganti pusing stok

37. Gambar berikut menunjukkan salah satu jenis stok dalam perniagaan.



Antara yang berikut, yang manakah ciri stok tersebut ?

- I Stok dapat dijual dengan cepat
- II Stok perlu disimpan dalam kuantiti yang banyak
- III Stok dapat dijual dengan harga yang mahal
- IV Stok ini mempunyai risiko yang tinggi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

38. Pernyataan manakah yang menerangkan ciri-ciri kreatif?

- A Zikri mencipta satu perisian baharu
- B Pak Din telah mengubahsuai basikalnya bergerak menggunakan bateri
- C Sarah tetap tidak berputus asa walaupun pernah gagal dalam perniagaan
- D Mok Cun mencari pasaran baharu di Negeri China

39. Pn. Azila bercadang untuk memohon pembiayaan perniagaan dengan agensi kerajaan.

Apakah yang perlu disediakan dalam Rancangan Perniagaan untuk menunjukkan kemampuan membayar balik pinjaman?

- I Penyata Aliran Tunai
- II Akaun Perdagangan
- III Akaun bersama
- IV Akaun aset semasa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40. Mengapakah senarai bahan mentah perlu disediakan dengan teliti dalam Rancangan Operasi?
- A Memudahkan kerja
 - B Mempercepatkan proses
 - C Mengelakkan berlaku pembaziran
 - D Memastikan stok bahan mencukupi

KERTAS SOALAN TAMAT